



YANG BERHORMAT TUAN HJ KHALID BIN ABD. SAMAD  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN

SEMBAH UCAPAN

MAJLIS PERASMIAN ROYAL FLORIA PUTRAJAYA 2019

30 OGOS 2019 (JUMAAT)

9.00 PAGI

ROYAL FLORIA PAVILION  
TAMAN BOTANI PUTRAJAYA, PRESINT 1, PUTRAJAYA

Bismillahirrahmanirrahim  
Alhamdulillahi Rabbil A' lami  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera dan Salam Wilayah Peduli, Harapan Dipenuhi

1. Mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.

Mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum AlMutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj.

Ampun Tuanku  
Sembah Patik Pohon Diampun

2. Patik sekalian merafakkan sembah menjunjung kasih, di atas titah dan ampun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku berdua untuk bercemar duli bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Royal FLORIA Putrajaya 2019 yang berlangsung pada hari ini. Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku ke majlis ini amat besar maknanya buat patik dan semua rakyat dalam menunjukkan sokongan serta semangat terhadap kecintaan kepada alam semulajadi, persekitaran landskap yang indah, bersih dan mampan.

3. Syabas dan tahniah juga patik ucapan kepada Perbadanan Putrajaya untuk penganjuran kali ke 11 Royal FLORIA Putrajaya 2019 dengan sokongan Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia serta Jabatan Landskap Negara. Royal FLORIA Putrajaya 2019 satu-satunya pameran bunga dan taman bertaraf Antarabangsa di Malaysia pada masa ini yang akan berlangsung pada 31 Ogos hingga 8 September 2019.

Ampun Tuanku,

4. Royal FLORIA Putrajaya 2019 adalah satu acara yang berprestij dalam industri pelancongan Malaysia dan disenaraikan sebagai salah satu acara utama dalam Kalendar Acara Tahunan Malaysia sempena Tahun Melawat Malaysia 2020 (*Visit Truly Asia Malaysia 2020*) oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia. Ini merupakan platform kepada Putrajaya dan Malaysia untuk mewujudkan kerjasama antarabangsa dalam arena perlandskapan dan Pameran Bunga-bunga di Rantau Asia Pasifik dengan memartabatkannya di dalam peta dunia.

5. Kemeriahan penganjuran Royal FLORIA Putrajaya 2019 diraikan dengan lebih gemilang di salah satu dari 12 Taman Metropolitan Putrajaya iaitu di Taman Botani, Presint 1 Putrajaya yang bertemakan "Mother of All Gardens" dengan memartabatkan orkid dan bonsai. Lokasi Taman Botani ini mewakili semua taman awam di Putrajaya. Ini antara usaha-usaha Perbadanan Putrajaya dalam mempromosikan Taman-Taman Awam di Putrajaya juga sebagai pemangkin Bandar Bunga-Bunga yang kini berjaya melonjakkan industri pelancongan negara.

Ampun Tuanku,

6. Patik ingin sembah maklum, Taman Botani telah merangkul pengiktirafan dan penganugerahan yang tinggi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti:

- i. Tersenarai antara 40 taman tercantik di Asia oleh "Paradise Found" United Kingdom pada 2008.
- ii. Anugerah Kehormat dalam Kategori Bandar Hijau (Green City Award) dari Institut Arkitek Landskap Malaysia pada tahun 2012; dan
- iii. The JILA Prize oleh dari Japanese Institute of Landscape Architecture pada 2015;
- iv. Telah dianugerahkan Malaysia Tourism Quality Assurance (MyTQA) oleh Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) pada tahun 2018.

Ampun Tuanku,

7. Penganjuran Royal FLORIA Putrajaya memilih bunga-bungaan yang menarik dan istimewa sebagai bunga tema seperti Bunga Kebangsaan (Hibiscus) pada tahun 2007, Orkid tahun 2009, Heliconia tahun 2010, Rose tahun 2011, Bougainvillea tahun 2012, Begonia tahun 2013, Chrysanthemum tahun 2014 dan 2016, Lily tahun 2015 dan kombinasi kesemua bunga-bunga tema Royal FLORIA Putrajaya sebelum ini untuk kegemilangan Floria tahun 2018.
8. Pemilihan Orkid dan Bonsai sebagai bunga tema tahun ini menampilkan koleksi orkid dan bonsai yang unik dengan gabungan nilai estetik serta artistik dan iainya dipersembahkan di dalam suasana Taman Botani yang menarik dan kondusif. Ia sekaligus diharap dapat memanfaatkan sepenuhnya potensi yang ditawarkan oleh teknologi dalam pembangunan dan pengurusan industri landskap, pertanian, terutamanya industri florikultur dan hortikultur yang mampu menjadi industri bernilai tinggi.
9. Festival ini juga disasarkan agar dapat memberi fokus kepada intensifikasi produk industri landskap dan hortikultur (florikultur, olerikultur, pamologi dsb.) seperti pameran kepelbagaiannya spesies dan variasi orkid di Malaysia yang menarik dan sangat dijejak oleh peminat orkid dari dalam dan luar negara. Ciri-ciri gubahan, penanaman dan penjagaan istimewa bonsai juga dilihat mampu menyumbang kepada aspek penyelidikan, pembangunan inovasi produk pertanian dan pengkomersilan dalam memenuhi pemintaan pelanggan sekaligus berpotensi besar untuk sektor pelancongan, penyelidikan dan pembangunan.
10. Royal FLORIA Putrajaya 2019 kali ini mempamerkan sejumlah 1 juta kuntum bunga dari pelbagai spektrum warna, tanaman annuals, pokok-pokok renek berbunga pelbagai jenis. Tidak kurang dari 500 variasi spesis orkid serta lebih dari 100 koleksi bonsai, di samping pelbagai kultivar bunga-bungaan dan tanaman hiasan yang paling indah, berwarna-warni dan harum dengan wangian semula jadi. Pameran ini berjaya menggabungkan sejumlah 70 *Garden Showcases* pelbagai tema dan rekabentuk unik yang terdiri dari 43 *Outdoor Garden Showcases* dan 27 *Indoor Garden Showcases* dengan pecahan seperti berikut:

- a. 12 penyertaan mewakili Agensi Kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan, Korporat dan Swasta dalam kategori *Government & Corporate Garden Showcases*,
- b. 7 penyertaan dari *Flower Grower Garden*,
- c. 9 penyertaan Sekolah Rendah
- d. 8 penyertaan Sekolah Menengah untuk *School Garden (Terrarium)*,
- e. 5 penyertaan dari Universiti dan Kolej untuk *University Garden (Vertical Wall Showcases)*,
- f. 4 penyertaan *Designer Garden* dari Institut Arkitek Lanskap Malaysia (ILAM),
- g. 5 penyertaan *Floating Flower* oleh Pegawai Muda Perbadanan Putrajaya,
- h. 10 penyertaan komuniti Putrajaya untuk *Community Garden*,
- i. 4 pameran di *Fruits Valley* dari Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan
- j. 6 penyertaan antarabangsa dari Korea Selatan, Taiwan, Thailand, Indonesia, Singapura dan termasuk Malaysia akan mempamerkan hasil rekabentuk *floral installation* untuk *Orchid Showcase* di RFP 2019.

Ampun Tuanku,

11. Pada tahun ini, pihak Perbadanan Putrajaya turut menampilkan Taman Diraja Pahang sebagai ‘Royal Garden Showcase’ khusus untuk dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku.

12. Patik yakin Royal FLORIA Putrajaya 2019 ini mampu menarik kedatangan lebih ramai pelawat dan pengunjung domestik dan pelancong asing dengan adanya Garden bazaar dan hortmart serta FLORIA Flavours juga menjanjikan juadah yang pelbagai, dimana pengurusan kedua-dua ruang niaga ini diusahakan secara rakan pintar atau ‘Smart Partner’ bersama Syarikat Swasta iaitu TGE Resources Sdn. Bhd. dan PULSE Group Sdn. Bhd.

13. Festival ini juga berkeupayaan mencetuskan pelbagai peluang dan potensi dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan ekonomi dan perniagaan serta

keusahawanan seperti perniagaan semaihan tanaman bunga dan hiasan, perkhidmatan perlandskapan, khidmat perundingan pembangunan dan penjagaan taman dan bekalan bahan-bahan dan peralatan perkebunan yang moden dan sesuai dengan keperluan pengguna.

14. Selain Pameran bunga-bungaan, penjualan produk perkebunan, Royal FLORIA Putrajaya 2019 juga sesuai untuk aktiviti riadah keluarga di mana pelbagai aktiviti akan dianjurkan. Lebih dari 100 aktiviti dan program harian akan dijalankan sepanjang Royal FLORIA Putrajaya 2019 berlangsung termasuk Floria Fun Run anjuran Mutiara Kid Project, Floria Night Aerobiethon anjuran bersama Kementerian Belia dan Sukan, Pertunjukkan Fesyen bersama Kolej Vokasional Sepang. Selain itu, acara ceramah dan bengkel perkebunan, demonstrasi gubahan bunga, hiburan, pertandingan fotografi, penghasilan kraftangan dan bermacam-macam lagi juga akan dianjurkan.

Ampun Tuanku,  
Sembah Patik Pohon Diampun

15. Dengan kerjasama dan sokongan yang diberikan oleh semua pihak yang terlibat termasuk jabatan-jabatan kerajaan persekutuan dan negeri, pihak korporat (GLCs), Smart Partners, syarikat-syarikat swasta, institusi pengajian tinggi, sekolah-sekolah, NGOs dan masyarakat, patik percaya festival pada tahun ini boleh mencapai ke satu tahap yang lebih tinggi untuk menempatkan Royal FLORIA Putrajaya 2019 setaraf dengan pesta bunga antarabangsa yang lain di dunia.

Sekian.

Ampun Tuanku beribu ampun, Sembah patik pohon diampun.